

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 11 Mac 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JANUARI 2025

Penganggur pada Januari 2025 berada dalam trend menurun, berkurang kepada 533.8 ribu orang, merekodkan kadar pengangguran 3.1 peratus

PUTRAJAYA, 11 MAC 2025 – Penganggur pada Januari 2025 berada dalam trend menurun, berkurang kepada 533.8 ribu orang, merekodkan kadar pengangguran 3.1 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Januari 2025**. Statistik ini memperihalkan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Januari 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pada bulan Januari 2025, pasaran buruh negara berada dalam trend peningkatan, mencerminkan penambahbaikan berterusan dalam kedudukan ekonomi negara walaupun terdapat beberapa cabaran dalam perdagangan dan inflasi. Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada bulan Januari 2025 terus bertambah, meningkat sebanyak 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 17.22 juta orang (Disember^r 2024: 17.17 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.6 peratus seperti bulan sebelumnya. Trend positif dalam tenaga buruh ini adalah didorong oleh peningkatan dalam guna tenaga, manakala bilangan penganggur terus menurun."

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada bulan Januari 2025 terus bertambah, mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus untuk mencapai 16.68 juta orang (Disember^r 2024: 16.63 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur turun sebanyak 0.9 peratus kepada 533.8 ribu orang pada bulan Januari 2025 (Disember^r 2024: 538.5 ribu orang). Kadar pengangguran kekal pada 3.1 peratus seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa pada bulan Januari 2025, kategori pekerja, yang merangkumi 75.3 peratus daripada jumlah penduduk bekerja, mencatatkan pertambahan sebanyak 0.3 peratus kepada 12.56 juta orang (Disember^r 2024: 12.53 juta orang). Kategori penduduk bekerja sendiri juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus kepada 3.11 juta orang (Disember^r 2024: 3.09 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan yang stabil, terutamanya dalam aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit, dan Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial. Begitu juga, sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian turut menunjukkan pertumbuhan guna tenaga yang positif pada bulan Januari 2025.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada Januari 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 79.4 peratus daripada jumlah penganggur adalah penganggur aktif, iaitu mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Dalam kategori ini, bilangan tersebut berkurang sebanyak 0.5 peratus kepada 423.6 ribu orang (Disember^r 2024: 425.7 ribu orang). Mengikut tempoh menganggur bagi penganggur aktif, 63.6 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.6 peratus berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun sebanyak 2.3 peratus kepada 110.2 ribu orang (Disember^r 2024: 112.8 ribu orang).

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 10.3 peratus, merekodkan 299.3 ribu penganggur belia pada bulan Januari 2025 (Disember^r 2024: 10.4%; 301.4 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun pada bulan tersebut kekal pada 6.3 peratus, dengan seramai 402.4 ribu penganggur belia berbanding bulan sebelumnya (Disember^r 2024: 6.3%; 400.7 ribu orang).

Pada bulan Januari 2025, bilangan penduduk di luar tenaga buruh menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 0.03 peratus kepada 7.15 juta orang, berbanding 7.16 juta orang pada Disember^r 2024. Sebab utama tidak berada dalam tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, merangkumi 43.6 peratus, diikuti oleh sebab bersekolah/ latihan (41.8%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, kedudukan ekonomi Malaysia yang berdaya tahan telah memberi impak positif kepada pasaran buruh negara. Situasi ini antaranya adalah disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, inisiatif-inisiatif kerajaan, peningkatan aktiviti pelancongan, serta aktiviti pelaburan yang berterusan dalam projek infrastruktur dan sektor utama. Selain itu, peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dijangka akan turut memberi kesan yang baik terhadap prestasi pasaran


buruh negara dengan meningkatkan pelaburan, pembangunan luar bandar, kemahiran tenaga kerja, dan sektor halal. Oleh itu, selari dengan prestasi ekonomi negara yang semakin memberangsangkan serta pertumbuhan kukuh dalam sektor utama ekonomi negara, pasaran buruh negara dijangka akan terus berada pada momentum pertumbuhan yang stabil dengan bilangan guna tenaga yang terus meningkat, sementara pengangguran semakin menurun.

Sebagai tambahan kepada keluaran hari ini, bermula dengan penerbitan Statistik Tenaga Buruh (STB), Januari 2025, DOSM turut menerbitkan semakan statistik utama siri data tenaga buruh bagi Januari hingga Disember 2024 secara berperingkat, bermula dengan data Januari dan Disember. Semakan siri data STB dilakukan apabila data terkini Banci Penduduk dan Perumahan 2020 tersedia. Proses penggabungan penanda arasan populasi yang disemak semula ini dirujuk sebagai '*rebasing*'.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari^r 2024, Disember^r 2024 dan Januari 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari^r 2024, Disember^r 2024 dan Januari 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari^r 2024, Disember^r 2024 dan Januari 2025



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 MAC 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, March 11th 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, JANUARY 2025

Unemployed in January 2025 on a downward trend, decreased to 533.8 thousand persons, recording 3.1 per cent of the unemployment rate

PUTRAJAYA, MARCH 11, 2025 – Unemployed in January 2025 on a downward trend, decreased to 533.8 thousand persons, recording 3.1 per cent of the unemployment rate, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, January 2025**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for January 2025, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “In January 2025, the country's labour market was in an upward trend, reflecting the ongoing improvement in the nation's economic conditions despite some challenges in trade and inflation. Therefore, the number of labour force in January 2025 improved further, increasing by 0.3 per cent month-on-month to 17.22 million persons (December 2024: 17.17 million persons). Meanwhile, the labour force participation rate remained at 70.6 per cent as in the previous month. This positive trend in the labour force was driven by an increase in employment, while the number of unemployed persons continued to decline.”

The Chief Statistician of Malaysia also stated that the number of employed persons in January 2025 continued to improve, registering a 0.3 per cent increase to reach 16.68 million (December 2024: 16.63 million). Meanwhile, the number of unemployed decreased by 0.9 per cent to 533.8 thousand persons in January 2025 (December 2024: 538.5 thousand persons). The unemployment rate remained at 3.1 per cent as recorded in the previous month.

Elaborating on the employment situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that in January 2025, the employee's category, which comprised 75.3 per cent of the

total employed persons, recorded an increase of 0.3 per cent to 12.56 million persons (December 2024: 12.53 million persons). The category of own-account workers also trended upward by 0.7 per cent to 3.11 million persons (December 2024: 3.09 million persons).

By economic sector, employment in the Services sector showed steady growth, particularly in Accommodation and food & beverage services; Wholesale & retail trade, and Human health and social work activities. Likewise, the Manufacturing, Construction, Agriculture and Mining & quarrying sectors also experienced positive employment growth in January 2025.

Explaining further on the unemployment situation in January 2025, the Chief Statistician of Malaysia stated that 79.4 per cent of the total unemployed persons were actively unemployed, or those who were available for work and were actively seeking jobs. In this category, the number fell by 0.5 per cent to 423.6 thousand persons (December 2024: 425.7 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, 63.6 per cent were those who were unemployed for less than three months, while 5.6 per cent were in long-term unemployment for more than a year. In the meantime, the inactively unemployed, or those who believed that there were no jobs available, decreased by 2.3 per cent to 110.2 thousand persons (December 2024: 112.8 thousand persons).

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years declined by 0.1 percentage points to 10.3 per cent, recording 299.3 thousand unemployed youths during January 2025 (December 2024: 10.4%; 301.4 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years stood at 6.3 per cent during the month, with 402.4 thousand unemployed youths compared to the previous month (December 2024: 6.3%; 400.7 thousand persons).

In January 2025, the number of persons outside the labour force experienced a slight decrease of 0.03 per cent to 7.15 million, compared to 7.16 million in December 2024. The main reason for not participating in the labour force was due to housework/ family responsibilities, accounting for 43.6 per cent, followed by schooling/ training reasons (41.8%).

Concluding the statement, Malaysia's resilient economic position had a positive impact on the country's labour market. This situation is supported by strong domestic demand, government initiatives, increased tourism activities, and ongoing investment activities in infrastructure projects and key sectors. Moreover, the role of Malaysia as ASEAN Chairman 2025 is expected to have a favourable impact on the performance of the country's labour market by increasing investment, rural development, labour skills, and the halal sector. Therefore, in line with the country's growing economic performance and strong growth in the major sector of the country's economy, the nation's labour

market is foreseen to remain in a stable growth momentum with an increasing number of employments, while unemployment is declining.

In addition to today's release, starting with the release of Labour Force Statistics (LFS), January 2025, DOSM also published the revision of the principal statistics of the labour force data series for January to December 2024 in stages beginning with January and December data. The revision of the LFS data series is performed when the most recent Population and Housing Census data of 2020 is available. The process of incorporating revised population benchmarks is referred to as rebasing.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogues and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January^r 2024, December^r 2024 and January 2025




Chart 2: Unemployment, Malaysia, January^r 2024, December^r 2024 and January 2025





Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January^r 2024, December^r 2024 and January 2025



Note:^r Revision based on the current population estimates from Population and Housing Census 2020

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11th MARCH 2025